

# Kerajaan Pusat berlaku adil: PM

RM 3 AGS 1985

Oleh KAMIS AHMAD

PULAU PINANG, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat sedaya upaya berlaku adil kepada semua kaum dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan rancangan pembangunan.

Menurut Perdana Menteri, beliau sedar perasaan tidak puas hati timbul di kalangan masyarakat berbilang kaum dan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang menganggap mereka tidak mendapat ganjaran kemajuan sewajarnya.

Namun demikian, katanya, walaupun ada perbezaan pendapat mengenai pembangunan, ia dirundingkan bersama bagi faedah rakyat dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap demikian kepada kira-kira 15,000 rakyat berbilang kaum yang menyambut ketibaan beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah di Lapangan Terbang Bayan Lepas di sini pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Dr Lim

Chong Eu; Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi; Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim; Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik, turut hadir.

"Adalah sukar untuk menubuhkan sebuah negara yang kukuh dan dihormati oleh dunia, terutama apabila rakyatnya berbilang kaum," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, tambahnya, negara telah me-

nempa kejayaan cemerlang kerana rakyat sentiasa bekerjasama, dasar kerajaan yang baik dan sikap penduduk yang positif.

Menurut beliau, sebenarnya kerajaan cuba berlaku adil kepada semua pihak tetapi ia tidak mungkin dapat memuaskan hati semua orang dalam negara yang berbilang kaum.

"Oleh itu, kalau ada perasaan tidak puas hati di kalangan kaum dan negeri kerana layanan yang kononnya tidak baik, maka ini petanda bahawa keadilan berlaku, iaitu semuanya tidak